

05 JUL 2000

Najib-Serah Diri/I

KERAJAAN RAYU PEROMPAK SERAH DIRI

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Kerajaan merayu kepada kumpulan yang merompak senjata dari dua kem tentera di Gerik Ahad lepas supaya menyerah diri.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak ketika membuat gesaan itu kepada kumpulan terbabit berkata: "Kami merayu kepada mereka supaya menyerah diri."

Beliau berkata demikian pada persidangan media selepas menemui Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Kementerian Dalam Negeri di sini hari ini.

Najib ditanya mengenai opsyen yang akan dipertimbangkan kerajaan untuk mengatasi kemelut itu.

Ketika ditanya bagaimana kerajaan akan menangani tawaran serah diri itu, beliau berkata butiran itu akan ditentukan bersama oleh polis dan angkatan tentera.

Najib berkata tidak ada hubungan formal diadakan dengan penjenayah itu setakat ini dan mereka tidak membuat sebarang tuntutan.

Bagaimanapun, beliau berkata kerajaan tidak akan melayan sebarang tuntutan, jika ada, dari penjenayah itu.

"Mereka perlu diberi pilihan untuk menyerah diri," katanya.

Najib juga tidak menolak kemungkinan bahawa bekas anggota tentera terbabit dalam rompakan senjata itu.

Najib berkata daripada penilaian yang dibuat, terdapat kemungkinan kesemua anggota kumpulan itu masih bersembunyi di kawasan bukit di Sauk dekat Kuala Kangsar.

"Bagaimanapun, kita tidak menolak kemungkinan yang ini adalah umpan, dan kemungkinan ada penyokong mereka di luar kawasan ini," katanya.

Beliau berkata kawasan bukit itu telah dikepung dengan ketat oleh pasukan keselamatan sehingga tidak ada kemungkinan anggota kumpulan itu boleh keluar masuk dari kawasan itu.

"Jumlah anggota kita mencukupi bagi memastikan kepungan ini amat ketat dan tak mungkin boleh ditembusi kumpulan berkenaan. Semalam, mereka ada cuba berbuat demikian tetapi tak berjaya," katanya.

Najib berkata kejadian tembak menembak hari ini antara pasukan keselamatan dan kumpulan itu berlaku mungkin kerana penjenayah berkenaan ingin meninjau sejauh mana keberkesanan kepungan yang dibuat.

Dalam kejadian pukul 10.30 pagi tadi, seorang daripada perompak itu ditembak pasukan keselamatan tetapi tahap kecederaan lelaki itu tidak dapat dipastikan kerana dia dibawa ke dalam hutan oleh rakan-rakannya.

Najib berkata, kehadiran tiga orang tebusan bersama penjenayah itu menyulitkan keadaan dan kerajaan peka dengan situasi itu.

Mengulas lanjut, beliau berkata jika tawaran menyerah diri itu tidak diterima, kerajaan berhak mengambil apa juga tindakan.

"Tindakan itu tidak ada hadnya kerana kerajaan bersikap tegas dalam hal ini dan kita tak mahu kumpulan perompak dan penjenayah ini mencapai maksud mereka," katanya.

Beliau turut menafikan laporan media asing bahawa pasukan keselamatan Malaysia menggunakan mortar di kawasan berkenaan.

Katanya apa yang digunakan ialah "thunder flash" yang mungkin telah menyebabkan bunyi yang kuat sehingga ia disangkakan bunyi bom mortar.

Najib berkata beliau akan mengemukakan laporan kepada jemaah kabinet berdasarkan hasil siasatan sebuah lembaga penyiasatan yang ditubuhkan

Kementerian Pertahanan untuk meneliti kes rompakan senjata di Gerik termasuk peraturan simpanan dan keselamatan senjata.

"Apa-apa cadangan akan diberitahu kepada masyarakat umum kerana mereka ada hak untuk mengetahui tindakan yang diambil kerajaan," katanya.

Najib berkata beliau sentiasa berhubung dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Abdullah berhubung perkembangan dalam insiden itu.

Beliau juga berkata untuk memudahkan liputan media, taklimat bagi media massan akan dibuat di pusat operasi di Kati.

Di KUALA KANGSAR, polis meminta kerjasama kaum keluarga penjenayah itu tampil membantu dalam proses rundingan antara pasukan keselamatan dengan penjenayah terbabit.

Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai berkata polis juga telah mengenalpasti beberapa keluarga pemilik atau pemandu enam buah kereta yang ditemui di sebuah rumah sewaan di Sauk malam tadi.

Kenderaan-kenderaan itu termasuk dua buah kenderaan komersil iaitu sebuah Jeep Cherokee milik sebuah syarikat telekomunikasi (DiGi) dengan nombor pendaftaran BEM 3287 dan sebuah Land Rover milik sebuah syarikat penunda kereta (Anuar Dungun Workshop) dengan nombor pendaftaran CB 2130.

Empat buah kenderaan lagi ialah kereta persendirian jenis Honda Accord berwarna kelabu metalik yang bernombor plat JBA 2561, sebuah Proton Saga 1.5S bernombor BCS 833, sebuah Ford Laser saloon bernombor BCF 1913 dan sebuah Proton Saga 1.3 bernombor BCS 2830.

Norian berkata mereka yang mempunyai hubungan dengan para pemilik kenderaan berkenaan diminta menghubungi polis menerusi talian 05-7521759 atau 05-7521757 secepat mungkin.

Katanya, kenderaan-kenderaan itu kini ditahan di balai polis di sini. Bagaimanapun tiada sebarang senjata berbahaya ditemui dalam kenderaan-kenderaan berkenaan.

Beliau berkata polis juga menemui beberapa dokumen di dalam kereta-kereta berkenaan yang isi kandungannya tidak boleh diumumkan lagi.

-- BERNAMA

AA AKD